



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

SULIT

MOF.DS(S)600-40/3/3 (26)
2 April 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN *CONTRACT FOR SERVICE* TAHUN 2020

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat, Kerajaan bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan *Contract For Service* kepada individu *contract for service* yang disetarakan pada gred 56 dan ke bawah sebanyak RM500. Sehubungan itu, semua individu *contract for service* yang masih berkhidmat pada 23 April 2020 layak menerima Bantuan Khas Kewangan *Contract For Service* ini.

3. Selain itu, bagi pesara Perkhidmatan Awam yang sedang berkhidmat secara *contract for service* dan masih berkhidmat pada 23 April 2020, juga layak diberi Bantuan Khas Kewangan pada kadar RM500. Pembayaran sebanyak RM250 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM250 akan dibayar oleh Jabatan baharu individu *contract for service* bertugas.

4. Bantuan Khas Kewangan *Contract For Service* ini hanya diberikan kepada individu *contract for service* warganegara Malaysia dan akan dibayar pada 23 April 2020.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR)

SULIT

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia